



**SENI SILAT KAGUMKAN BEKAS PENAGIH:** Demonstrasi silat yang dipersembahkan oleh sembilan perguruan di Pusat Pemulihan Dadah Selarang Park. — Gambar oleh HAJI RAWI AHMAD. 19 FEB 1990

## Latihan silat di DRC dibincang

HUJAN lebat yang turun mencurah-curah tidak melemahkan semangat bekas penagih untuk berdialog dengan kira-kira 30 pesilat dari sembilan perguruan semalam.

Selesai sahaja demonstrasi silat dari sembilan perguruan di Pusat Pemulihan Dadah (DRC) Selarang Park, hujan lebat turun mencurah-curah, tetapi bekas-bekas penagih itu tetap berada di tempat masing-masing dan tidak mencari tempat berteduh.

Bukan sahaja mereka basah kuyup, malah Setiausaha Politik (Ehwal Dalam Negeri), Encik Harun Abdul Ghani; Superintenden DRC Selarang Park, Encik Loh Chan Pew; Presiden Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit), Encik Ismaon Ali, yang juga pengerusi lawatan itu serta para pesilat tidak berganjak dari tempat masing-masing.

Selesai sahaja demonstrasi silat, sesi soal-jawab diadakan.

Antara soalan yang dikemukakan oleh seorang penghuni DRC ialah: *WATAKUTIK - SYUA A*

"Kenapa tidak diadakan latihan silat di sini iaitu pada setiap Ahad bagi mengisi masa lapang kami." *WAWAKUTIK - CECALHAN*

Bagi menjawab soalan penghuni itu, Encik Loh berkata: "Saya ingin anda semua menghargai demonstrasi yang diadakan dan kemudian menyertai kegiatan yang sihat ini apabila dibebaskan kelak. Kami akan berbincang dan mengatur rancangan untuk memanggil seorang jurusilat mengadakan latihan di sini."

Jawapan itu disambut dengan tepukan gemuruh oleh bekas-bekas penagih dadah yang menghadiri demonstrasi pesilat di DRC Selarang Park itu.

Sementara itu, Encik Harun berkata bahawa bekas-bekas penagih dadah dapat memainkan peranan penting dalam memberi kesedaran dan meringankan tentang kesan-kesan

buruk dadah kepada masyarakat.

Pengalaman pahit mereka akan menjadi semacam 'tangkal' kepada masyarakat khususnya para belia jalanan agar jangan menyentuh dadah.

"Segala nasihat dan petunjuk bekas-bekas penagih kepada para belia jalanan khususnya agar menjauhi dadah akan lebih berkesan. Tambahan lagi nasihat daripada anda kepada sesiapa sahaja anggota masyarakat pasti akan memberi kesan yang mendalam," katanya.

Beliau menambah, bekas penagih itu akan menyelamatkan manusia lain daripada terjebak ke kancah dadah.

Sembilan perguruan yang turut serta dalam rombongan itu terdiri dari Gayong Perwanit, Gayong Pasak, Seligi Tunggal, Sendeng Belalang, Tapak Suci, Sunda Cikalung, Setia Bakti, Cekak dan Panca Sakti.